

Usah Ghairah Pasang Penjimat Minyak

Usah ghairah pasang penjimat minyak

KOSMO 15/6

KUALA LUMPUR - "Jangan ghairah mahu menjimatkan petrol hingga terpaksa menanggung kerugian."

Nasihat itu ditujukan kepada orang ramai yang kini tercari-cari cara berkesan menjimatkan penggunaan petrol untuk kenderaan masing termasuk memasang alat penjimat bahan api itu yang banyak di pasaran ketika ini.

Pengarah Pusat Pembangunan Automotif Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Ir Dr. Azhar Abdul Aziz berkata, kebanyakan alat penjimat petrol yang dijual tidak menunjukkan penjimatan yang ketara.

"Tanya penjual bukti saintifik dan kesahihan barang yang dijual sebelum membeli sama ada carta gaya laku (prestasi)

yang menunjukkan kelebihan pemasangan alat dengan keadaan tanpa alat itu dipasang," katanya.

Tambahan katanya, penjual kadangkala menunjukkan data yang dikumpul di luar negara dan ini tidak sama keadaannya dengan kegunaan di negara tropika seperti Malaysia.

Sepatutnya mereka yang menjual alat sedemikian lebih bertanggungjawab dengan melakukan beberapa siri ujian prestasi alat mereka dalam suasana penggunaan di Malaysia dan ujian itu pula semestinya dalam satu julat waktu yang lama.

"Pendek kata pengguna harus lebih bijak dalam mengajukan soalan yang bersifat prestasi dan kelasakan sebelum berpuas hati dan terpikat dengan peralatan ini.

"Penjual perlu menekankan kepada jaminan di samping perkara pokok tadi dan jika boleh, pengguna perlu diberi masa untuk menilai prestasi alat yang mereka beli sebelum komited dengan barangan ini," katanya.

Jelasnya, kebanyakan produk yang dijual hanya boleh menjimatkan bahan api bagi enjin yang tertentu, pada julat halaju tertentu enjin dan kadar penjimatannya adalah tidak tinggi, iaitu dalam lingkungan antara 3 dan 5 peratus sahaja.

Justeru nasihatnya, pengguna hanya digalakkan membeli alat penjimat minyak yang benar-benar telah menjalani ujian bukti secara saintifik yang dibuat oleh organisasi piawaian seperti SIRIM dan sebagainya dan diuji secara menyeluruh.

- Bernama

pdfMachine - is a pdf writer that produces quality PDF files with ease!

Get yours now!

"Thank you very much! I can use Acrobat Distiller or the Acrobat PDFWriter but I consider your product a lot easier to use and much preferable to Adobe's" A.Sarras - USA